

**MOHAMAD RODZI** Abd Razak

**ABD GHAPA** Harun

**ZUBAIDAH** Hamzah

Universiti Kebangsaan Malaysia

**AZHARUDIN** Mohamed Dali

Universiti Malaya

## **REKONSILIASI HUBUNGAN MALAYSIA-INDONESIA DALAM KONTEKS REGIONALISME ASIA TENGGARA**

### ***RECONCILIATION OF MALAYSIA INDONESIA RELATIONS IN THE CONTEXT OF SOUTHEAST ASIA REGIONALISM***

*Artikel ini bertujuan meneliti rekonsiliasi sebagai proses dalam mengukuhkan hubungan Malaysia-Indonesia khususnya dalam konteks regionalisme di Asia Tenggara. Dalam konteks Asia Tenggara, keakraban hubungan antara Malaysia dan Indonesia memang sukar untuk dipisahkan. Wujudnya pelbagai istilah seperti nusantara, dunia Melayu, serumpun, hubungan abang-adik melambangkan keintiman yang wujud antara kedua-dua negara. Ia diperkukuhkan lagi ekoran wujudnya persamaan dari segi bahasa, anutan agama mahupun latar budaya. Namun demikian, hubungan Malaysia-Indonesia seringkali berada di dalam keadaan tidak stabil terutamanya sejak dekad 1960-an. Keadaan ini mencetuskan kebimbangan pelbagai pihak terhadap masa depan hubungan dua buah negara yang dianggap bersaudara ini. Rekonsiliasi adalah satu strategi penyelesaian konflik antara-negara. Strategi ini semakin meluas diamalkan dalam politik antarabangsa. Dalam era globalisasi yang membawa kepada meningkatnya hubungan saling pergantungan, banyak negara kini bergerak ke arah rekonsiliasi bagi memperbaiki hubungan dengan jiran masing-masing. Matlamat akhirnya adalah untuk mewujudkan hubungan intim dan harmoni yang berpanjangan antara pemerintah, kerajaan malah dalam kalangan rakyat di kedua-dua buah negara. Rekonsiliasi digerakkan sebagai proses mewujudkan perdamaian dan membina hubungan intim yang berpanjangan di antara dua buah negara yang saling bermusuhan di antara satu sama lain. Proses rekonsiliasi bukan hanya sekadar kerajaan di dua buah negara bermusuhan menandatangani perjanjian persahabatan dan persefahaman. Tuntasnya, proses rekonsiliasi memerlukan penglibatan segenap lapisan masyarakat. Elemen-elemen ini adalah penting bagi menghapuskan unsur-unsur struktural mahupun sosio-*

*psikologikal rakyat yang menjadi pencetus kepada perbalahan antara pemimpin dan rakyat kedua-dua buah negara.*

**Kata kunci :** *rekonsiliasi, regionalisme, dunia Melayu, hubungan Malaysia-Indonesia*

*This article focuses on reconciliation as a process of strengthening Malaysian and Indonesian relations, specifically in the context of Southeast Asian regionalism. Malaysia and Indonesia have many historic interconnections and share many similarities in language, religion, belief and culture. Terms such as nusantara, the Malay world and bangsa serumpun, reflect their socio-cultural closeness and numerous familial networks work to bind the countries together. For the past 50 years however, their relationship has been unstable. As globalization has increased international interdependence, many nations have been encouraged to move towards a process of reconciliation to improve relations with their neighbouring states. Reconciliation is one of the strategies commonly used to resolve interstate conflict and is widely practiced in international politics. The eventual goal of reconciliation is to create an intimate and lasting harmony between the respective governments and citizens of neighbouring countries in the quest for prolonged peace. The process involves far more than signing an agreement; it works on developing a mutual understanding between governments and encouraging national programs that engage all levels of society in the process.*

**Keywords:** *reconciliation, regionalism, Malay world , Malaysia- Indonesia relations*

## **Pengenalan**

Membina hubungan akrab dan intim secara berterusan dengan negara lain, terutamanya negara berjiran merupakan satu cabaran besar dihadapi oleh kebanyakan negara-negara di dunia pada masa kini. Kegagalan memupuk keakraban hubungan sesama mereka khususnya di antara bangsa serumpun menyebabkan banyak penelitian dilakukan untuk memahami punca permasalahannya. Persoalan yang muncul dan cuba dirungkaikan oleh penganalisis politik antarabangsa kini adalah bagaimana mencorakkan pola hubungan antara negara ke tahap yang akrab dan harmoni. Keadaan ini mencetuskan persoalan tentang sejauh mana keberhasilan hubungan diplomatik formal yang lazimnya termeterai melalui perjanjian kerjasama dan persefahaman dalam membina keakraban hubungan yang berpanjangan

di antara kedua belah pihak. Namun demikian, hasil kajian menunjukkan keakraban hubungan dan keintiman antara negara tidak boleh dipupuk semata-mata menerusi siri-siri perjanjian dan persefahaman yang dipersetujui sesama mereka. Para penganalisis percaya keakraban dan keintiman akan hanya terbina menerusi proses rekonsiliasi yang mendalam dan berterusan. Indikasi keakraban dan keintiman tersebut bukan sahaja dilihat dari sudut hubungan di antara kerajaan dengan kerajaan, tetapi mencakupi hubungan menyeluruh dan mendasar yang berlangsung dalam kalangan majoriti rakyat kedua buah negara.

Sejak abad ke 21, rekonsiliasi menjadi amalan kebanyakan negara dalam usaha memupuk hubungan akrab di samping sebagai strategi penyelesaian konflik sesama mereka. Meningkatnya minat negara dunia kepada rekonsiliasi selari dengan kemunculan pendekatan diplomasi yang bersifat *multi-track* disebabkan adanya kelemahan diplomasi formal yang hanya terbatas kepada hubungan antara kerajaan semata-mata. Di samping itu, perubahan politik dan ekonomi dunia akibat globalisasi meningkatkan hubungan saling bergantung sehingga memerlukan cara baru berinteraksi dalam kalangan masyarakat dunia. Peningkatan intensiti interaksi mendorong banyak negara mewujudkan hubungan yang harmoni dan akrab antara negara mencakupi pelbagai segmen masyarakat terutamanya di kalangan masyarakat di akar umbi. Keperluan dipenuhi menerusi kaedah diplomasi baru yang dikonsepsikan oleh Joseph Montville sebagai diplomasi *track-two*. Diplomasi ini memerlukan penyertaan aktif dan tindakan konstruktif aktor-aktor bukan kerajaan, kedalaman konteks informal sesama rakyat dan persefahaman di luar daripada mesyuarat dan persefahaman rasmi kerajaan. Perkembangan ini mendorong penganalisis politik antarabangsa sejak awal abad ke-21 memberikan tumpuan besar terhadap fenomena diplomasi *track-two* dalam wacana politik antarabangsa, khususnya dalam kajian mengenai rekonsiliasi hubungan bilateral.

## Gelora Hubungan Malaysia-Indonesia

Sejak berjaya membebaskan diri dari cengkaman penjajah, Malaysia dan Indonesia tidak sunyi dari belenggu konflik dengan kemuncaknya berlaku pemutusan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara pada 16 September 1963. Detik hitam yang disusuli dengan gelora konfrontasi selama tiga tahun itu merupakan episod dalam sejarah hubungan kedua-dua negara. Hubungan Malaysia-Indonesia seringkali dilabelkan dengan pelbagai gelaran yang memperlihatkan keakraban seperti *negara bersaudara*, *negara tetangga* dan *serumpun*. Namun demikian, hubungan Malaysia dan Indonesia sentiasa diulit pelbagai konflik yang menggugat sensitiviti rakyat kedua-dua buah negara. Kewujudan persamaan seperti keturunan, sejarah, bahasa, budaya dan agama menyebabkan hubungan kedua-dua negara dianggap istimewa dalam pelbagai

aspek. Sebelum membincangkan proses rekonsiliasi sebagai mekanisme mengukuhkan hubungan kedua-dua negara, penulis terlebih dahulu meninjau sepintas lalu beberapa isu yang tercetus dalam hubungan Malaysia–Indonesia khususnya sehingga awal abad ke-21.

Ibarat pepatah *sedangkan lidah lagi tergigit*, episod konflik atau ketegangan dalam hubungan Malaysia dan Indonesia seolah-olah tidak dapat dipisahkan. Pada September 2009 umpamanya, sentimen hubungan kedua-dua negara bergelora akibat timbulnya beberapa isu yang didakwa menggugat sensitiviti rakyat Indonesia. Antaranya termasuklah isu pertelagahan yang melibatkan lagu *Negaraku* dan *Terang Bulan*, penggunaan nama Pulau Jemur serta pertikaian membabitkan *tarian pendet*. Akibatnya, berpuluh-puluh pelajar Indonesia dilaporkan menyerbu Kedutaan Malaysia di Jakarta dan melemparnya dengan telur busuk (*Berita Harian* 4 September 2009). Pada 8 September 2009 pula, Jabatan Penuntut Malaysia di Jakarta turut menasihati pelajar Malaysia di Indonesia supaya berhati-hati ekoran timbulnya kebencian segelintir rakyat Indonesia terhadap Malaysia. Ia berikutan timbulnya laporan yang menyatakan terdapat lebih 360 sukarelawan yang mendaftar untuk mengganyang Malaysia dengan buluh runcing melalui kumpulan Benteng Demokrasi Rakyat (BENDERA) (*Malaysiakini* 8 September 2009).

Semua permasalahan tersebut bagaimanapun berjaya ditangani secara diplomasi oleh kerajaan kedua-dua negara. Isu yang melibatkan Pulau Jemur umpamanya berjaya diselesaikan selepas Menteri Luar kedua-dua negara menjelaskan kekeliruan terhadap persamaan nama pulau tersebut yang terdapat di kedua-dua negara (*Malaysiakini* 24 September 2009). Kebimbangan terhadap keselamatan rakyat Malaysia di Indonesia pula reda ekoran jaminan kerajaan Indonesia untuk mengambil tindakan terhadap pihak-pihak yang mengancam keselamatan rakyat Malaysia di Indonesia. Menurut Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Tan Sri Da'i Bachtiar, jaminan itu diberikan oleh polis Indonesia malah menganggap tindakan penunjuk perasaan itu sebagai tidak memahami tindakan kerajaan Indonesia yang bertindak menyelesaikan pertikaian-pertikaian yang timbul secara diplomasi (*Malaysiakini* 11 September 2009).

Sentimen konflik juga berterusan ekoran timbulnya beberapa isu baru khususnya yang melibatkan kes pencerobohan perairan oleh nelayan. Dalam insiden pada 13 Ogos 2010, tujuh nelayan Malaysia ditahan oleh anggota Kementerian Kelautan dan Perikanan Indonesia kerana didakwa menceroboh perairan negara itu. Walau bagaimanapun, mereka kemudiannya dibebaskan. Pasukan Gerakan Marin Malaysia pula menahan tiga orang petugas kementerian tersebut ketika mereka sedang dalam proses menahan nelayan Malaysia berkenaan. (*Malaysiakini* 17 Ogos 2010). Isu panas timbul ekoran dakwaan bahawa pihak berkuasa Malaysia menggunakan gari dan membogelkan petugas Indonesia ketika kejadian berkenaan. Menurut pihak berkuasa Malaysia pula, petugas berkenaan sememangnya hanya memakai

seluar dalam ketika ditemui menyorok dalam bilik enjin manakala seorang petugas lain hanya diikat tangannya untuk mengelakkan beliau bertindak agresif. (*Malaysiakini* 4 September 2010). Susulan kejadian itu, tunjuk perasaan dilakukan dihadapan kedutaan besar Malaysia di Jakarta pada 23 Ogos 2010. Penunjuk perasaan dilaporkan bertindak agresif termasuk melempar najis manusia ke kawasan kedutaan Malaysia. Selanjutnya, dianggarkan seramai 600 orang mengadakan demonstrasi membantah tindakan pihak berkuasa Malaysia. Sebahagian mereka dikatakan bertindak liar dengan meludah dan membakar bendera Malaysia serta melaungkan slogan *Ganyang Malaysia*. (*Malaysiakini* 28 Ogos 2010).

Di samping itu, demonstrasi turut dilancarkan oleh Kumpulan BENDERA yang memaparkan sepanduk dan slogan anti-Malaysia. Antaranya termasuklah sepanduk berbunyi *Diplomasi No, Perang Yes* di samping *Maaf perjalanan anda terganggu, ada sweeping warga Malaysia* (*Malaysiakini* 4 September 2010). Koordinator BENDERA, Mustar Bonaventura menegaskan *sweeping* merupakan balasan terhadap keengganan Malaysia memohon maaf dan tidak memberi maklum balas terhadap nota bantahan Indonesia. Di samping itu, terdapat sekumpulan mahasiswa Indonesia yang berpakaian ala tentera turut mengadakan demonstrasi di Kedutaan Besar Malaysia. Walau bagaimanapun, demonstrasi-demonstrasi berkenaan tidak mendapat sokongan positif dari pihak berkuasa Indonesia. Ketua Polis Indonesia, Jeneral Bambang Hendarso Danuri umpamanya mengingatkan rakyat Indonesia agar tidak terpengaruh dengan kempen *sweeping* Malaysia yang tersebar luas melalui laman sosial Facebook dan Twitter (*Malaysiakini* 4 September 2010).

Sebagai tindak balas, rakyat Malaysia yang teruja dengan tindakan segelintir rakyat Indonesia itu turut bertindak balas. Antaranya, Gerakan Kebangkitan Rakyat (GERTAK) yang menyerahkan memorandum membantah tindakan penunjuk perasaan di Jakarta. Dua lelaki tempatan ditahan oleh polis Malaysia ketika cuba membakar bendera Indonesia di hadapan Kedutaan Besar Republik Indonesia di Kuala Lumpur (*Malaysiakini* 28 Ogos 2010). Ia turut disusuli dengan tindakan Pemuda UMNO serta beberapa NGO termasuk Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) yang menyerahkan nota bantahan kepada kedutaan Indonesia. (*Malaysiakini* 3 September 2010). Kumpulan berkenaan menganggap tindakan penunjuk perasaan yang membakar dan mengotorkan bendera Malaysia sebagai provokasi melampau.

Insiden sedemikian rupa sememangnya tidak wajar dihangatkan bagi mengelakkan tercetusnya implikasi lebih besar diperingkat hubungan diplomatik. Justeru, saranan-saranan yang agak keterlaluan seperti memanggil pulang duta tidak harus diberikan perhatian serius. Antaranya termasuklah saranan Ketua Pemuda UMNO Malaysia, Khairy Jamaluddin yang menggesa Wisma Putra memanggil pulang Duta Besar Malaysia ke Indonesia Datuk Syed Munshe Afdzarudidin Syed Hassan sekiranya rundingan berhubung jaminan keselamatan kedutaan Malaysia di Jakarta menemui kegagalan

(*Malaysiakini* 9 September 2010). Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Anifah Aman menganggap saranan tersebut sebagai tindakan yang bertujuan mencari publisiti murahan tanpa memahami keadaan sebenar. Bekas Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mukhriz Tun Mahathir pula menganggap ketegangan yang berlaku dipengaruhi oleh provokasi pihak tertentu yang bimbang terhadap potensi Malaysia dan Indonesia untuk muncul sebagai kuasa berpengaruh di rantau ini. (*Malaysiakini* 6 September 2010). Menurut beliau juga, demonstrasi anti Malaysia hanya dilakukan oleh sekumpulan penduduk Indonesia dan tidak melambangkan pendirian seluruh rakyat Indonesia.

Ketegangan yang tercetus itu berjaya diatasi secara diplomasi oleh kerajaan kedua-dua negara. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak ketika mengulas tindakan penunjuk perasaan melempar najis ke kedutaan Malaysia serta membakar dan mengotorkan bendera Malaysia menganggap Indonesia melalui Presiden Susilo Bambang Yudhoyono mengambil langkah pro aktif dalam memastikan keselamatan kedutaan dan rakyat Malaysia di Indonesia (*Malaysiakini* 28 Ogos 2010). Menurut beliau juga, hubungan dua hala kedua-dua negara amat penting terutamanya dalam perkara-perkara yang melibatkan kepentingan ekonomi. Bekas Menteri Dalam Negeri Malaysia, Datuk Seri Hishamuddin Hussein juga menegaskan bahawa hubungan diplomatik Malaysia–Indonesia tidak terjejas akibat tindakan tersebut manakala bekas Menteri Pertahanan Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi turut meminta rakyat Malaysia supaya tidak bertindakbalas terhadap tindakan rakyat Indonesia itu (*Malaysiakini* 26 Ogos 2010). Kerjasama positif turut terpancar selepas mesyuarat Menteri Luar Malaysia dan Indonesia diadakan di Kota Kinabalu pada 6 September 2010 yang menghasilkan resolusi bahawa Malaysia dan Indonesia akan saling melindungi kepentingan kedutaan dan rakyat kedua-dua negara.

Sejak awal abad ke 21, gelora hubungan Malaysi– Indonesia turut terlihat dalam isu yang melibatkan tenaga kerja. Kemajuan pesat ekonomi Malaysia mendorong kehadiran ratusan ribu malah jutaan rakyat asing khususnya dari Indonesia ke negara ini sama ada secara sah atau sebaliknya. Kebanjiran tersebut mencetuskan pelbagai implikasi khususnya masalah sosial yang melibatkan pendatang asing terutamanya pendatang tanpa izin. Antara sektor yang menjadi warga Indonesia untuk bekerja di Malaysia termasuklah pembinaan, perladangan dan perkhidmatan terutamanya sebagai pembantu rumah. Pelbagai langkah dilakukan oleh kerajaan Malaysia termasuk bertindak menghantar pulang pekerja-pekerja tanpa izin yang ditahan. Tindakan tersebut bagaimanapun gagal membendung masalah yang timbul. Justeru, mulai 1 Ogos 2002 kerajaan Malaysia menguatkuasakan hukuman denda maksimum RM 10,000, penjara mandatori enam bulan dan enam kali sebatan terhadap pekerja asing yang memasuki negara ini secara haram selaras dengan Akta Imigresen 1959/63 Pindaan 2002.

Tindakan kerajaan Malaysia itu disambut dengan pelbagai reaksi di Indonesia tetapi pandangan yang agak keras disuarakan oleh Amien Rais iaitu Speaker Majlis Permesyuaratan Rakyat Indonesia (MPR) [juga Pengerusi Pati Amanat Nasional (PAN)] yang mengkritik pindaan akta tersebut khususnya hukuman sebat sebagai tindakan tidak berperikemanusiaan. (*Berita Harian* 15 September 2002). Akibatnya, akhbar-akhbar dan pihak tertentu mula menaikkan sentimen anti-Malaysia. Beberapa perkara yang boleh dianggap remeh seperti tindakan Polis Republik Indonesia menahan 19 rakyat Malaysia selama enam jam kerana tidak membawa pasport ketika berada di lobi hotel penginapan mereka di Medan telah diperbesarkan. Bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagaimanapun menyifatkan tindakan tersebut sebagai bukan tindakan membalas dendam. Kenyataan beliau disokong oleh Datuk Seri Rais Yatim dan Datuk Seri Syed Hamid Albar yang menganggap sentimen-sentimen itu sengaja dicetuskan oleh pihak-pihak yang berkepentingan (*Utusan Malaysia* 27 Ogos 2002).

Utusan Malaysia 26 Ogos 2002, melaporkan tindakan berpuluh-puluh (dianggarkan 50 orang) rakyat Indonesia yang melakukan tunjuk perasaan di luar kedutaan Malaysia di Jakarta sebagai membantah pelaksanaan hukuman sebat ke atas rakyat asing yang bekerja secara tidak sah di Malaysia (khususnya warga Indonesia). (*Utusan Malaysia*, 26 Ogos 2002.) Laporan tersebut juga menyatakan tindakan penunjuk perasaan berkenaan yang membakar bendera Malaysia di samping melaung kata-kata seperti *Jatuhkan Kerajaan Malaysia* serta mendesak hubungan diplomatik dengan Malaysia diputuskan. Di pihak Malaysia, Menteri Luar pula menasihatkan rakyat Malaysia supaya tidak melawat Indonesia selagi sentimen anti-Malaysia masih menular di kalangan rakyat negara itu. (*Utusan Malaysia* 26 Ogos 2002).

Di sebalik ketegangan yang tercetus itu, tidak dinafikan masih wujud kejernihan dalam hubungan kedua-dua negara. Kementerian Pertahanan Malaysia misalnya menyifatkan sentimen yang timbul tidak menjejaskan kerjasama erat dibidang pertahanan antara kedua-dua negara (*Berita Harian* 28 Ogos 2002). Ketua Lembaga Persahabatan Indonesia-Malaysia (PRIMA), Try Sutrisno juga menggesa semua pihak supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang boleh menjejaskan hubungan kedua-dua negara. Naib Ketua Dewan Perwakilan Rakyat (DPR), A.M Fatwa pula dalam kenyataannya meminta isu berkenaan diselesaikan secara baik demi kepentingan kedua-dua negara. Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia Indonesia, Yusril Ihza Mahendra kemudiannya mengumumkan langkah kerajaan Indonesia yang menghormati undang-undang Malaysia di samping menyifatkan kenyataan Amien Rais sebagai pandangan peribadi beliau (*Berita Harian* 15 September 2002).

Di samping itu, Malaysia dan Indonesia juga pernah dibelenggu oleh satu lagi isu penting iaitu pertikaian terhadap hak milik Pulau Sipadan dan Ligitan. Pertikaian ini bermula sejak dekad 1980 an apabila Indonesia menolak wilayah Pelantar Laut Malaysia seperti yang ditetapkan dalam peta

Malaysia 1979 kerana Indonesia mendakwa pulau-pulau tersebut berada dalam wilayah perairannya. Menurut Nik Anuar Nik Mahmud, tuntutan Indonesia itu dianggap aneh kerana Belanda yang pernah mempunyai kepentingan di kawasan berkenaan tidak pernah menuntut hak milik ke atas mana-mana pulau di wilayah berkenaan. (Nik Anuar Nik Mahmud 2003:89). Isu ini kemudiannya telah di bawa untuk perbincangan di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2002 dan keputusannya memihak kepada Malaysia atas faktor *effectivites* (*International Court of Justice* 17 Disember 2002)

Dari segi sejarahnya, Malaysia-Indonesia adalah entiti politik yang berada secara tersepadu dalam sebuah rantau yang disifatkan Wang Gungwu (2001) sebagai *borderless maritime world*. Dalam dunia maritim tanpa sempadan ini berlakunya proses difusi dan akulturasi budaya kesan daripada mobiliti manusia secara bebas, diikuti dengan meluasnya pertukaran perdagangan dan mendalamnya interaksi budaya, bahasa dan agama. Sementara itu, sempadan wilayah politiknya yang bersifat 'cair' menyebabkan pemisahan entiti politik di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain berada dalam keadaan tidak begitu jelas. Difusi dan akulturasi tersebut membawa kepada berlakunya proses integrasi dan asimilasi secara mendalam dalam kalangan penduduk rantau ini. Namun begitu, setelah hegemoni kolonial Barat bermula di kepulauan Nusantara, kedudukan geo-politikinya mula berubah. Perjanjian Inggeris-Belanda pada tahun 1824 menjadi titik tolak kepada pemisahan entiti politik secara *rigid* di rantau ini. Perjanjian 1824 itu menjadi titik penting kepada pemisahan sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia dengan Selat Melaka sebagai batas sempadannya. Di samping itu, implikasi perjanjian tersebut juga memperlihatkan berlakunya hubungan persaudaraan antara rakyat kedua-dua buah negara dalam konteks pembinaan negara moden. Selanjutnya, proses dekolonisasi selepas Perang Dunia Kedua mengukuhkan lagi proses kelahiran dua buah negara moden yang wujud pada hari ini (Abd Ghapa, 2010). Dalam konteks sistem antarabangsa moden, hubungan Malaysia-Indonesia hanya terjalin apabila kedua buah entiti politik berdaulat ini mencapai kemerdekaan selepas Perang Dunia Kedua. Indonesia yang muncul sebagai negara merdeka dan berdaulat pada tahun 1945 diikuti oleh Malaysia pada tahun 1957. Kedua-dua negara memegang kedaulatan sesuai dengan komponen kenegaraan masing-masing yang membawa kepada berlakunya fragmentasi dari segi wilayah, kerakyatan dan identiti. Pada tahap awal kemerdekaan, khususnya dalam era pemerintahan Presiden Sukarno di Indonesia dan Tunku Abdul Rahman di Malaysia hubungan kedua-dua buah negara tidak mesra, dan menunggu masa mengalami konflik (Mackie 1974). Hubungan tidak mesra itu mencapai kemuncaknya apabila teretusnya konfrontasi (1963-1966) akibat pertelingkahan dalam isu penubuhan Malaysia (Ahmad Nizar 2009). Rekonsiliasi hubungan Malaysia-Indonesia bermula setelah pemerintahan Indonesia berada di bawah Presiden Suharto. Dalam masa singkat, hubungan kedua buah negara bertambah baik dan menjadi akrab apabila Tun Abdul



Razak mengambil alih pemerintahan daripada Tunku pada tahun 1969 (Nik Anuar, Muhammad Haji Salleh & Abd. Ghapa Harun 2011; Liow 2008).

Menurut Liow (2004), kesediaan Malaysia mengamalkan polisi *self-induced subordination* menyumbang kepada pemupukan hubungan akrab antara kedua-dua buah negara. Menerusi polisi ini, Malaysia secara tidak langsung mengakui supremasi negara jiran itu dan menerima status Indonesia sebagai kuasa hegemoni di rantau ini. Dalam ertikata lain, Malaysia menerima konsep hubungan yang bersifat *superior-inferior* di antara dua negara serumpun itu khususnya dalam kedudukan Malaysia sebagai adik dan Indonesia sebagai abang. Hubungan akrab kedua-dua negara berterusan meskipun berlaku pertukaran teraju pemerintahan apabila Tun Abdul Razak meninggal dunia pada tahun 1976. Tun Hussein Onn yang mengambil alih jawatan Perdana Menteri meneruskan hubungan baik yang telah diasaskan sejak tamatnya konfrontasi (Liow, 2008). Namun begitu, “zaman keemasan” dalam hubungan dua hala negara serumpun ini berakhir sekitar awal 1980 an, terutama setelah berakhirnya Perang Dingin pada hujung dekad tersebut (Abd Ghapa, 2010).

Kekeruhan hubungan kedua-dua negara mula ketara apabila Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri pada tahun 1981 (Syed Hamid, 2010). Dasar *self induce subordination* yang menjadi landasan kepada pemupukan hubungan akrab kedua buah negara (adik-abang) tidak lagi dititikberatkan. Kejayaan Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi pesat dalam tahun 1980 an dan 1990 an memberikan keyakinan diri kepada Malaysia untuk memainkan peranan lebih aktif di peringkat serantau dan antarabangsa (Savaranamuthu, 2010) Pertumbuhan ekonomi berterusan meletakkan Malaysia pada kedudukan yang kukuh dalam pentas politik antarabangsa. Berbanding dengan Indonesia, meskipun dari segi saiznya, Malaysia hanya 1/3 daripada Indonesia, tetapi Malaysia mempunyai perkapita KDNK sebanyak tujuh kali ganda (Marks 2009). Kejayaan dari segi ekonomi mencetuskan keyakinan tinggi Malaysia di samping pertarungan merebut pengaruh dalam ASEAN dan di pentas politik dunia.

Pertarungan tersebut membawa kesan besar kepada hubungan dua hala Malaysia-Indonesia. Pertarungan yang berlaku di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dengan Presiden Suharto menyebabkan kedua-dua pemimpin jarang berganding bahu dalam menangani isu-isu kepentingan bersama di peringkat antarabangsa. Kedua-dua pemimpin semakin sukar mencapai konsensus kerana persefahaman dan kepentingan bersama kedua-buah negara dalam isu-isu serantau dan antarabangsa semakin tipis. Misalnya, Presiden Suharto menjadi penentang utama terhadap gagasan penubuhan East Asia Economic Group atau East Asia Economic Caucus (EAEG/EAEC) yang dipelopori Tun Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1990. Tentangan berlaku kerana tindakan beliau tidak berunding dan memaklumpkannya kepada Indonesia terlebih dahulu. Perbezaan kedua pemimpin itu juga berlaku dalam soal menentukan corak regionalisme di Asia Tenggara. Dr Mahathir lebih cenderung kepada regionalisme yang

turut sama merangkumi China, Jepun dan Korea dalam bentuk Komuniti Asia Timur. Manakala Presiden Suharto pula mahu mengekalkan struktur regionalisme Asean-Plus-Three, dengan Asean dan Indonesia sebagai peneraju utamanya. Perbezaan pandangan dan pendekatan di antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Suharto itu menjadi indikasi bahawa Malaysia tidak lagi mengambil kedudukan sebagai negara yang *subordinated* (adik) kepada Indonesia (abang).

Justeru kebanyakan peneliti percaya bahawa hubungan bilateral dua buah negara jiran ini mula berada dalam keadaan tidak stabil sejak awal 1980 an lagi (Syed Hamid 2010; Weiss 2010; Bayuni 2010; Farish 2009a; Bantarto Bandoro 2007). Selain faktor persaingan, hubungan menjadi semakin buruk dalam tahun-tahun 1990 an sehingga kini akibat kelewatan kedua buah negara menyelesaikan isu kepentingan dua hala yang semakin banyak terhimpun. Himpunan pelbagai masalah dua-hala dan kepentingan bersama seperti kes Tenaga Kerja Indonesia, konflik Sipadan-Ligitan, Ambalat, tarian pendet, lagu Rasa Sayang, batik dan wayang kulit menjadi ‘duri dalam daging’ kepada hubungan Malaysia-Indonesia. Konflik yang berlanjutan dalam isu tersebut membawa kepada pemupukan emosi negatif dalam kalangan rakyat, serta turut menjejaskan solidariti kedua-dua buah negara.

Tindakan *unilateral* Malaysia dalam menangani masalah Tenaga Kerja Indonesia menjadi isu yang berpanjangan. Di samping itu, isu tuntutan bertindih ke atas Pulau Sipadan dan Ligitan – yang membabitkan soal kedaulatan dan integriti wilayah–mencetuskan sikap *assertive* di sebelah pihak Indonesia. Sementara krisis Ambalat pada tahun 2005 memburukkan lagi keadaan hubungan dua negara sehingga masing-masing tidak ragu-ragu menggunakan ‘diplomasi kapal perang’ dan menghamburkan retorik serta mengeluarkan kenyataan yang agresif terhadap satu sama lain tanpa menghiraukan impak buruk dari segi kognitif di kedua belah pihak. Isu-isu lain terus mencetuskan perbalahan dalam tahun-tahun berikutnya, terutama krisis pada tahun 2009-2010 menyebabkan sikap prasangka, *stereotyping*, saling tidak percaya dan ‘rasa permusuhan’ menjadi semakin tebal sehingga menjejaskan hubungan akrab yang pernah terjalin suatu ketika dahulu. Dialog Kebudayaan Malaysia-Indonesia yang diadakan di Jakarta pada 5 Mac 2008, umpamanya mengakui kewujudan masalah ini dan ia menjadi salah satu punca kepada konflik budaya dan salah faham dalam kalangan masyarakat di kedua buah negara. Keadaan ini mewujudkan fenomena yang disebutkan Farish A.Noor (2007) sebagai ‘kejahilan bersama’ dan *historical blindedness* dalam kalangan masyarakat di kedua-dua negara. Pertelingkahan berpanjangan sejak 1980-an meluaskan lagi jurang politik dan sosial antara masyarakat di kedua-dua buah negara. Jurang tersebut menyuburkan perasaan kebencian, permusuhan dan sikap tidak bertoleransi antara satu sama lain. Tinjauan pendapat umum di Indonesia oleh akhbar *Republika* pada bulan 23 Ogos 2010 misalnya menunjukkan 72.91 peratus responden mengatakan Malaysia sebagai negara paling tidak mesra

terhadap Indonesia berbanding Australia, Singapura, Brunei dan Filipina (*Star* 29 Ogos 2010).

Namun begitu, satu perkembangan menarik dalam konteks hubungan bilateral Malaysia-Indonesia adalah dari segi hubungan ekonominya. Meskipun hubungan politiknya semakin meleset, tetapi pada masa yang sama berlaku peningkatan yang memberangsangkan dalam bidang ekonomi. Dalam keadaan hubungan politik yang tidak stabil, interaksi ekonomi di antara Malaysia-Indonesia berlaku secara intensif sejak tahun 2000. Dalam tempoh 2002-2009, pelaburan Malaysia di Indonesia bernilai US\$1.5 billion manakala pelaburan Indonesia di Malaysia pula sebanyak US\$354 juta. Malaysia muncul sebagai negara pelabur keempat terbesar di Indonesia pada tahun 2008 manakala Indonesia pula menjadi rakan perdagangan ke-9 terbesar bagi Malaysia. Interaksi ekonomi wilayah juga semakin meningkat menerusi penyertaan kedua buah negara dalam poligon pertumbuhan ekonomi seperti Indonesia-Malaysia-Singapore (IMS-GT), Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippine East Asia Growth Area (BIMP-EAGA).

Peningkatan hubungan ekonomi membawa hubungan Malaysia-Indonesia kepada tahap saling bergantung (*interdependence*). Malaysia bergantung kepada tenaga kerja dari Indonesia terutama dalam sektor pembinaan dan perladangan, manakala Indonesia memerlukan modal Malaysia (Gatsiounis 2005). Dalam lawatan beliau ke Indonesia pada Disember 2010, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin umpamanya menegaskan tentang keperluan peningkatan pelaburan dan hubungan ekonomi dua hala antara Malaysia dan Indonesia (*Mstar.com.my* 5 Disember 2010). Interaksi ekonomi yang memberangsangkan itu menyedarkan pemimpin kedua-dua negara bahawa masing-masing akan mendapat manfaat daripada hubungan saling pergantungan itu, malah turut juga menyumbang kepada kerjasama politik yang lebih akrab pada masa hadapan. Menyedari potensi ini, Presiden Susilo menegaskan keperluan bagi kedua-dua negara untuk berusaha lebih keras memupuk persefahaman dan kerjasama erat di antara satu sama lain (*The Jakarta Post* 9 Februari 2010). Justeru, dalam beberapa pertemuan Najib-Susilo, kedua-dua pemimpin bersetuju supaya digiatkan proses rekonsiliasi menerusi perluasan skop diplomasi kedua-dua negara yang tidak terbatas hanya semata-mata diperingkat kerajaan dengan kerajaan, tetapi juga meliputi masyarakat dengan masyarakat.

## **Rekonsiliasi Sebagai Proses Dalam Hubungan Antara Negara**

Rekonsiliasi merupakan proses pengakraban hubungan antara negara sehingga terpujuknya keintiman yang stabil dalam hubungan tersebut (Bar-Tal, & Gemma 2004.) Menurut Bar-tal (2007:368), rekonsiliasi bergerak dalam kerangka diplomasi *track-two* dengan matlamat:

... *mutual recognition and acceptance, invested interests and goals in developing peaceful relations, mutual trust and positive attitude, as well as sensitivity and considerations of other party's needs and interests.*

Bar-tal (2009:365) menjelaskan bahawa rekonsiliasi adalah satu proses dua hala yang bersifat *socio-psychological* yang menuntut perubahan dari segi motivasi, matlamat, kepercayaan, sikap dan emosi majoriti rakyat. Menurut beliau, sebagai satu proses, rekonsiliasi melibatkan "*the formation and restorations of genuine peaceful relationship.*" Ia turut memerlukan perubahan yang ekstensif dari segi '*socio-cultural repertoire*' banyak pihak dalam kedua-dua buah negara. Pembentukan '*repertoire*' baru diperlukan kerana dalam proses penyelesaian konflik secara konvensional, persetujuan hanya dicapai dan diakuri oleh pemimpin yang merundingkan persetujuan atau hanya dalam kalangan elit sekeliling mereka dan sebahagian kecil masyarakat.

He Yinan (2009) membahagikan tahap hubungan antara negara kepada tiga fasa. Pertama, fasa non-rekonsiliasi, kedua, fasa rekonsiliasi terbatas dan akhir sekali fasa rekonsiliasi penuh atau mendalam. Fasa non-rekonsiliasi wujud keadaan ketegangan akibat suburnya rasa permusuhan antara kedua-dua belah pihak khususnya dalam kalangan rakyat. Ketegangan yang terjadi mewujudkan kecenderungan tinggi untuk menggunakan kekerasan dalam menyelesaikan masalah dua hala. Kedua-dua belah pihak memiliki jangkaan bahawa peperangan sebagai jalan penyelesaian yang tidak dapat dielakkan. Dengan wujudnya jangkaan tersebut menyebabkan hubungan diplomatik menjadi dingin, masing-masing enggan memberikan pengiktirafan, menjarakkan identiti satu sama lain dan mengutamakan kedudukan masing-masing secara sosial, politik dan ekonomi. Dalam fasa ini juga, negara cenderung bertelingkah secara terbuka apabila munculnya isu-isu membabitkan kedaulatan, khususnya konflik wilayah dan sempadan. Manakala interaksi ekonominya pula berada pada tahap minimal. Di samping itu, sentimen kebencian dan ketakutan dalam kalangan orang awam berkembang secara meluas sekaligus membawa kepada suburnya persepsi negatif dan sikap bermusuhan.

Dalam fasa rekonsiliasi terhad, hubungan kedua-dua buah negara berlangsung dalam keadaan damai tetapi bersyarat disebabkan kekerapan berlakunya perbalahan dan permusuhan. Keadaan ini mengakibatkan kecenderungan berperang masih wujud. He membahagikan fasa ini kepada dua corak hubungan iaitu pergeseran dan *rapproachment* secara berkala. Pada ketika berlakunya perbalahan politik, sentimen negatif dalam kalangan masyarakat cepat membuak dan meningkatkan sentimen kebencian. Meskipun ancaman peperangan masih ada, tetapi potensi ke arah itu sudah tidak begitu ketara. Dalam keadaan *rapproachment*, kedua-dua belah pihak berusaha mengelakkan perbalahan terutamanya pada peringkat antara kerajaan namun hakikatnya hubungan politiknya masih rapuh. Meskipun keharmonian

hubungan wujud di antara kedua belah pihak namun tidak berlangsung untuk jangka masa yang lama.

Tahap ketiga adalah tahap yang menjadi impian kebanyakan negara pada hari ini. Pada tahap ini, berlangsung proses rekonsiliasi penuh atau mendalam. Menerusinya terpujuk hubungan akrab dan mesra yang stabil secara berpanjangan. Keadaan tersebut menjalinkan kerjasama rapat kedua-dua buah negara terutamanya dalam bidang ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan dalam kalangan rakyat. Kerjasama yang terjalin itu memupuk persefahaman bersama yang kukuh, membina keyakinan dan sikap saling percaya serta daya penghormatan yang tinggi di antara satu sama lain. Keakraban hubungan itu menghapuskan pelbagai tanggapan negatif dan sikap permusuhan sehingga kedua-dua belah pihak menghapuskan potensi peperangan sesama mereka jika berlakunya konflik pada masa depan. Pada tahap ini, peperangan atau penggunaan kekerasan bukan lagi menjadi instrumen menyelesaikan perbalahan di antara kedua-dua belah pihak. Kedua-dua negara memberikan pengiktirafan penuh ke atas kedaulatan dan menghormati status masing-masing sesuai dengan piawai undang-undang antarabangsa. Sekiranya berlaku persaingan, kedua-dua belah pihak memandangnya dari sudut *positive-sum-game*. Sebagai contoh, peningkatan hubungan ekonomi dipersepsikan sebagai akan membawa manfaat bersama, bukannya satu keadaan yang menguntungkan sesuatu pihak semata-mata.

### **Ke Arah Rekonsiliasi Malaysia-Indonesia**

Ditinjau dari sudut strukturalnya, hubungan Malaysia-Indonesia memiliki masa depan yang cerah kerana sejak tahun 1965 kerajaan Malaysia dan Indonesia telah pun memeterai lebih seratus perjanjian persefahaman yang mencakupi pelbagai aspek melibatkan kepentingan bersama kedua-dua buah negara terutamanya dalam bidang ekonomi, pendidikan, pengambilan tenaga kerja serta keselamatan di kawasan perbatasan dan perairan. Namun begitu, dalam konteks rekonsiliasi, hubungan Malaysia-Indonesia masih perlu diperihatkannya kerana tahap hubungan akrab dan intim dua negara serumpun ini tidak dapat bergantung kepada aspek struktural semata-mata. Oleh itu, dalam konteks hubungan dua hala Malaysia-Indonesia satu generasi dari sekarang, proses rekonsiliasi hubungan dua buah negara berjiran ini perlu diperluaskan dan diperdalamkan. Realiti politik semasa hubungan Malaysia-Indonesia memaparkan kemantapan dan keharmonian hubungan dua negara tidak dapat berdiri tegak atas faktor-faktor struktural semata-mata. Hubungan yang teguh di antara kedua negara berjiran ini amat memerlukan koherensi dari segi sosio-budaya dan integrasi kognitif dalam kalangan masyarakat di kedua-dua belah pihak. Koherensi dapat dicapai menerusi rekonsiliasi yang bersifat jangka panjang. Namun hasilnya tidak boleh diharap tercapai dalam waktu yang singkat. Dampak mendalam ke atas masyarakat di kedua negara

tidak berlaku sekiranya rekonsiliasi berlangsung dalam dimensi yang terhad. Rekonsiliasi bukan sahaja memerlukan kerjasama golongan elit politik dan intelektual yang berpengaruh dalam kedua buah negara malah perlu melibatkan segenap lapisan masyarakatnya.

Hubungan Malaysia-Indonesia, terutamanya sejak krisis tuntutan Pulau Ligitan dan Sipadan berada dalam keadaan tidak stabil. Lebih membimbangkan, banyak lagi isu lain yang diperbalahkan sejak beberapa tahun juga berpotensi pada bila-bila masa sahaja mencetuskan konflik terbuka di antara kedua belah pihak. Sungguhpun begitu, Malaysia-Indonesia bernasib baik kerana ketegangan yang sering berlaku kerap kali dapat diredakan menerusi sikap berhikmah pemimpinnya. Liow (2010) misalnya menyatakan:

*Thankfully, cooler heads have prevailed among respective political leaderships, who have refrained from playing to the gallery and leveraging on disputes in order to gain political mileage.*

Di samping itu, ramai penganalisis beranggapan bahawa hubungan Malaysia-Indonesia terlalu banyak bergantung kepada hubungan personal pimpinan negara masing-masing. Jika ditinjau dengan mendalam, hubungan bilateral Malaysia-Indonesia dalam tempoh lebih lima puluh tahun berlangsung, banyak indikasi yang menunjukkan bahawa hubungan bilateral kedua negara masih berada pada tahap rekonsiliasi terhad. Sekiranya kedua negara mahu melonjakkan hubungan dua hala tersebut ke tahap rekonsiliasi penuh, isu-isu tertanggung dan isu remeh yang menjadi 'duri dalam daging' kepada hubungan dua hala Malaysia-Indonesia akan dapat diatasi (Rizal Sukma 2008).

Perubahan politik domestik Indonesia turut sama menyumbang kepada kompleksiti hubungannya dengan Malaysia. Sejak tahun 2005, sikap *assertive* Indonesia dalam menangani hubungan dua hala dengan Malaysia semakin ketara. Sejak tahun 2005, jalan penyelesaian kepada masalah dua hala tampaknya menjadi semakin rumit. Nasionalisme Indonesia yang semakin asertif seperti yang dimanifestasikan dalam DPR dan dalam kalangan masyarakat awamnya terutama dalam isu yang membabitkan kedaulatan dan kepentingan nasional memberi tekanan kepada kerajaan Indonesia supaya tidak terlalu akomodatif dalam membuat keputusan. Oleh itu, tekanan politik dalam negeri menyempitkan ruang ke arah kompromi di antara Malaysia-Indonesia, terutamanya dalam isu-isu yang melibatkan kedaulatan negara masing-masing.

Menyedari masalah tersebut, pemimpin kedua-dua negara mula mengambil langkah mengerakkan diplomasi *track-two* secara lebih giat lagi. Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Mohd Najib Tun Abd Razak dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono sama-sama menyedari bahawa untuk mencapai tahap rekonsiliasi penuh dalam hubungan bilateral Malaysia-Indonesia, penyertaan aktif setiap lapisan dan sektor masyarakat di kedua-dua buah negara amat diperlukan (*Jakarta Post* 23 Ogos 2010) Justeru,

dalam pertemuan tahunan kedua-dua pemimpin itu pada tahun 2010, kedua-dua pemimpin bersetuju mengorientasikan diplomasi Malaysia-Indonesia kepada pendekatan *multi-track*, dengan memberikan penekanan penting kepada diplomasi *track-two*.

Dari segi jangka pendeknya, meskipun rakyat kedua negara berasal bangsa serumpun, tetapi rekonsiliasi penuh di antara Malaysia-Indonesia Malaysia sukar dicapai kerana dikotomi *US vs the Other* semakin meluas sejak berakhirnya era Perang Dingin. Bar-tal menjelaskan bahawa rekonsiliasi penuh hanya dapat berlaku secara mendalam apabila berlakunya perubahan psiko-sosial dalam kalangan masyarakat. Justeru, dalam konteks rekonsiliasi Malaysia-Indonesia keupayaan ke arah meningkatkan keakraban dan keintiman (*stable peace*) memerlukan transformasi menyeluruh ke atas kesenjangan persepsi dan emosi yang semakin menjarakkan masyarakat di kedua buah negara. Justeru, Malaysia dan Indonesia akan muncul sebagai rakan strategik tanpa mengabaikan kepentingan nasional masing-masing.

Masalah kepada hubungan Malaysia-Indonesia sukar dirungkaikan sekiranya kecenderungan penjarakan sosial dan identiti yang sedang berkembang sekarang berterusan. Meskipun Malaysia-Indonesia memiliki persamaan yang banyak dari sudut bahasa, etnisiti, agama, budaya dan sejarah namun sangat ketara sekali, ada kecenderungan yang tinggi dikedua-dua belah pihak mewujudkan dikotomi di antara dua masyarakat. Perkembangan semasa mempamerkan dengan ketara bahawa meskipun di antara masyarakat di kedua negara memiliki banyak persamaan, tetapi masing-masing memberikan tumpuan yang kuat ke arah meluaskan jurang perbezaan.

Rekonsiliasi adalah bahagian penting diplomasi *track-two* – yang berfokus kepada *people to people relationship*. Oleh itu, rekonsiliasi menuntut penyertaan luas pelbagai lapisan masyarakat secara bersama di kedua buah negara. Dasar baru kedua-dua buah kerajaan dari segi meningkatkan kerjasama dan memupuk hubungan persahabatan yang akrab dalam kalangan masyarakat di akar umbi perlu kepada pembinaan banyak mekanisme yang dikendalikan secara bersama bagi merancang dan menggerakkan pelbagai programnya. Maka adalah wajar mekanisme tersebut diwujudkan dalam kerangka kerjasama seperti dikonsepsikan oleh Alfitri, Dekan Fakulti Ilmu Sosial dan Ilmu Politik Universitas Andalas, Padang sebagai *partner in progress* (Padangmedia.com 18 Oktober 2008). Konsep ini hendaklah digerakkan sejajar dengan kelebihan yang ada dalam negara masing-masing dari segi ekonomi, ilmu pengetahuan dan sumber tenaga manusia.

Dalam menghadapi cabaran hubungan dua hala Malaysia dan Indonesia yang semakin rumit, usaha ke arah rekonsiliasi penuh perlu diberikan keutamaan oleh semua pihak. Persamaan dan perbezaan yang dimiliki Malaysia-Indonesia harus digembelngkan dalam kerangka diktum feqah Islam tersebut supaya prinsipnya dapat diterjemahkan seluas-luasnya sebagai rangka tindakan bersama sesuai dengan gagasan *partner in progress*

itu. Program yang dirangka pula hendaklah mampu berperanan sebagai jambatan bagi menghubungkan masyarakat di kedua-dua buah negara yang terpisah secara politik sejak kedua-dua mencapai kemerdekaan. Pemisahan secara politik seperti yang dibuktikan dalam konteks hubungan antara negara di Eropah Barat tidak menghalang ke arah menjalinkan hubungan dalam bentuk *partner in progress*.

Adalah tidak mungkin bagi Malaysia-Indonesia membina hubungan yang akrab, tanpa menjejaskan kepentingan nasional masing-masing. Bagi melicinkan proses ke arah itu, adalah perlu bagi kumpulan-kumpulan berpengaruh dalam masyarakat di kedua buah negara, khususnya parti politik, perkumpulan sivil, intelektual, persatuan perniagaan, perkumpulan pelajar, dan tokoh-tokoh berpengaruh bersama-sama berganding bahu mewujudkan keadaan yang kondusif kepada rekonsiliasi. Lebih penting lagi, semua pihak seharusnya memiliki *political will* yang kuat untuk memastikan proses rekonsiliasi ini berjalan licin. Justeru, sepanjang berlangsungnya proses rekonsiliasi, kelompok masyarakat di kedua-dua buah negara perlu membina sikap menahan diri daripada retorik yang provokatif terhadap satu sama lain disamping sikap berlapang dada apabila berusaha merungkaikan masalah-masalah yang remeh secara bersama. Untuk menggerakkan rekonsiliasi secara berkesan, adalah penting seperti ditegaskan Rizal Sukma, "...*the bilateral relationship has to be freed from ridiculous squabbles over trivial issues.*" Saluran komunikasi pula sentiasa perlu diperluaskan bagi menghalang salah faham di masa hadapan serta usaha di kedua belah pihak untuk menjarakkan isu yang sedang dipertikaikan daripada isu-isu kerjasama yang telah dipersetujui.

Sesuai dengan hasrat pemimpin kedua-dua negara (dalam pertemuan mereka pada tahun 2010) yang membuka ruang kepada diplomasi baru) adalah sangat relevan sekiranya masyarakat di kedua-dua buah negara segera menggiatkan diplomasi *track-two* menerusi pendekatan *middle-out* yang berorientasikan diplomasi yang bersifat *bottom-up*, bagi menampung kelemahan pendekatan yang selama ini banyak bergantung kepada pendekatan yang bercorak *top-down* dalam diplomasi tradisional. Pendekatan ini memerlukan kepada perlaksanaan pelbagai program yang digerakkan dari bawah yang bertujuan merombak *socio-psychological repertoire* majoriti rakyat dan juga mempengaruhi sikap dan dasar kerajaan masing-masing.

Di antara langkah yang difikirkan perlu dan mendesak adalah upaya menubuhkan sebuah pusat, iaitu Pusat Dialog dan Rekonsiliasi Malindo-Nusantara, sebagai tapak kepada pembentukan komuniti epistemik bagi menghimpunkan tenaga kepakaran dari kedua-dua negara di dalam satu mekanisme bersama. Pusat ini perlu dianggotai wakil pelbagai sektor masyarakat, golongan intelektual, akademik, profesional, wartawan media cetak dan elektronik, ahli perniagaan, wakil pelajar pengajian tinggi, agamawan, birokrat, wakil parti politik dan NGO.

Pada masa yang sama, satu kajian penyelidikan bersama yang



menggabungkan kepakaran dalam pelbagai disiplin ilmu wajar dibentuk bagai menggerakkan kegiatan penyelidikan isu hubungan dua hala secara mendalam. Dapatan kajian ini kemudiannya digunakan sebagai landasan kepada upaya rekonsiliasi yang bakal digerakkan secara bersama oleh kedua belah pihak. Di samping itu, kedua belah pihak juga perlu mengambil daya usaha meningkatkan interaksi dan pertukaran budaya popular dan produk ilmiah ke arah membina sebuah *imagined communities* Nusantara (dalam pengertian yang dikonsepsikan Benedict Anderson) sebagai satu wahana bagi menumbuhkan *a sense of common identity* dan *etos of peace* dan budaya kerjasama dalam kalangan rakyat di kedua-dua buah negara. Dalam hal ini, beberapa wacana ilmiah seperti Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia (PAHMI) anjuran Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya telah pun dilaksanakan. Di Universiti Kebangsaan Malaysia pula, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan telah menggerakkan Simposium Kebudayaan Indonesia-Malaysia (SKIM) dan Persidangan Malaysia-Indonesia (MALINDO). Persidangan-persidangan seperti wajar diteruskan sebagai mekanisme mencapai hasrat mewujudkan rekonsiliasi Malaysia Indonesia. Selain itu, program-program rekonsiliasi yang bertujuan ke arah sosialisasi generasi muda kedua negara melalui sejarah dan seni-budaya turut perlu digerakkan.

Kerjasama dalam bidang penyelidikan, penulisan dan penerbitan, khususnya yang berkaitan dengan sejarah dan kebudayaan yang bertujuan ke arah membina konsensus tentang perbezaan tafsiran ke atas isu identiti dan sejarah serumpun perlu juga diberikan keutamaan. Kesemua ini harus member penekanan kepada matlamat akhirnya adalah untuk mengintegrasikan sejarah dua entiti politik nasional sebagai sejarah sebuah komuniti yang hidup dalam sebuah rantau yang dikongsi bersama. Objektif utama kesemua projek dan program tersebut hendaklah ditumpukan kepada aspek-aspek berikut: (i) memecahkan *stereotype*, prejudis dan ketakutan, (ii) mengurangkan sikap tidak percaya dan perasaan permusuhan, (iii) meningkatkan daya empati dan persefahaman, dan (iv) membentuk konsensus ke arah interpretasi bersama ke atas isu-isu sejarah yang dipertikaikan (terutamanya isu yang mencetuskan konflik dua-dua negara pada masa lepas).

## Kesimpulan

Tidak syak lagi, keperluan kepada rekonsiliasi dalam konteks hubungan bilateral Malaysia-Indonesia adalah amat penting. Aleksius Jemadu, seorang cendekiawan Indonesia ketika menulis dalam *The Jakarta Globe* mengungkapkan:

*It is high time for both the Indonesian and Malaysia foreign policy makers to be more down to earth in managing the complexity of the bilateral relations between the countries and work even harder to find*

*solution to their problems... the two government should encourage the participation of civil society groups like university lecturers, artists and non governmental organization within the framework of multi-track diplomacy. This way, the two neighbours can strengthen their mutual trust, building social capital they will need to address the the complexity of their bilateral relations (Jemadu 2009).*

Rekonsiliasi hubungan bilateral Malaysia dan Indonesia adalah sangat penting dalam menghadapi arus perubahan dan persaingan politik, ekonomi dan sosial masa kini dan masa hadapan. Malaysia-Indonesia sedang bergerak ke arah tahap hubungan yang positif dan ia wajar diteruskan dari masa ke semasa. Meskipun berlaku ketegangan yang menyah-stabilkan hubungan Malaysia-Indonesia namun secara strukturalnya hubungan akrab antara kedua negara sudah pun berada di atas landasan yang kukuh. Keakraban tersebut sememangnya merupakan aset terpenting ke arah merealisasikan rekonsiliasi hubungan bilateral antara Malaysia dan Indonesia pada masa hadapan.

## Rujukan

- Abd Ghapa Harun. 2010. Malaysia-Indonesia dalam konteks regionalism Asia Tenggara: Menilai kepentingan peranan dialog kesejarahan ke arah mengeratkan hubungan negara serumpun, Kertas kerja yang dibentangkan dalam *Dialog Kesejarahan Malaysia-Indonesia ke-III, Johor Bahru, 1-3 Oktober*.
- Ahmad Nizar Yaakub. 2000. *Malaysia-Indonesia: A study of foreign policies with special reference to bilateral relations*, Phd Thesis, University of Western Australia.
- Bar-Tal, D. 2000. From intractable conflict through conflict resolution to reconciliation: Psychological analysis. *Political Psychology* 21:351–365.
- Bar-Tal, D. & Bennink, G.H. 2004. The nature of reconciliation as an outcome and as a process. Dalam Yaacov Bar-Siman-Tov (pnyt.). *From conflict resolution to reconciliation*. Oxford: Oxford University Press.
- Berita Harian* 28 Ogos 2002
- Berita Harian* 15 September 2002.
- Berita Harian* 4 September 2009.
- Bernama. Recent protests have changed Indonesia-Malaysia diplomacy, *The Star*, 29 Ogos 2010.
- Budianto, Lilian. Indonesia and Malaysia close to deal on protection migrant workers, 08/02/2010. *The Jakarta Post*, <http://www.december18.net/article/indonesia-and-Malaysia-close-deal-protection-migrant-workers>

- Budiarto Shambazy. Kultur konfrontasi di antara kita. *Kompas* 17 April 2009, <http://idspns.org/headline-news/berita-media/kultur-konfrontasi-di-antara-kita/>
- Editorial. Indonesia-Malaysia relations: Differences can be resolved through diplomacy, *New Straits Times*, September 8, 2010.
- Farish A. Noor. 2009a. Injecting reason back into Indonesia-Malaysia relations. <http://blog.limkitsiang.com/2009/09/10injecting-reason-back-into-indonesia-malaysia-relations>
- Farish A. Noor. 2009b. Malaysian-Indonesian relations and the 'cultural conflict' between the two countries, 25/09/2009 <http://www.europe2020.org/spip.php?article620>
- Farish Noor. 2009c. Implications of growing Indonesian assertiveness on Asean. 17 September 2009 <http://aliran.com/1048.html>.
- Fitzpatrick, S. 2009a. Malaysia 'steals' Bali dance Jakarta correspondent. *The Australian*. August 26 <http://www.theaustralian.com.au/news/world/malaysia-steals-bali-dance/story-e6frg6so-1225766191831>
- Fitzpatrick, S. 2009b. Susilo Bambang Yudhoyono steps ups threat in Malaysia sea dispute. *The Australian*, June 04 [http://www.theaustralian.com.au/news/susilo-bambang-yudhoyono\\_steps\\_ups\\_threat\\_in\\_malaysia-sea-dispute/story-e6frg6t6-1225720694621](http://www.theaustralian.com.au/news/susilo-bambang-yudhoyono_steps_ups_threat_in_malaysia-sea-dispute/story-e6frg6t6-1225720694621)
- Fitzpatrick, S. 2009c. Ancient hostilities between Indonesia and Malaysia turn ugly. *The Australian* September 12 <http://www.theaustralian.com.au/news/world/ancient-hostilities-between-indonesia-and-malaysia-turn-ugly/story-e6frg6so-1225772110530>
- Gatsiounis, Ioannis. 2004. Indonesia vs Malaysia: The media and democracy. *Asia Times Online*, 9/4/04- [http://www.atimes.com/atimes/Southeast\\_Asia/FD09Ae01.html](http://www.atimes.com/atimes/Southeast_Asia/FD09Ae01.html)
- Gatsiounis, Ioannis. 2005. Malaysia, Indonesia stir the friendship pot. *Asia Times Online*, 24/3/2005 – <http://www.atimes.com/atimes/southeastasia/GC24ae02.html>
- Gungwu, Wang. 2001. Continuities in Island Southeast Asia. Dalam K.S. Jomo (pnyt.). *Reinventing Malaysia: Reflections on its past and future*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- He, Yinan. 2009. *The search for reconciliation: Sino-Japanese and German-Polish relations since World War II*. New York and Cambridge: Cambridge University Press.
- He, Kai, 2000. Indonesia's foreign policy after Soeharto: International pressure, democratization, and policy change. *International Relations of the Asia-Pacific* 8: 47–72.
- International Court of Justice. 2002. *Case concerning sovereignty over Pulau Ligitan and Pulau Sipadan (Indonesia/Malaysia)*, General List No. 102, 17 December.

- Jakartaglobe, Indonesia and Malaysia battle over Batik. <http://www.thejakartaglobe.com/culture/indonesia-and-malaysia-battle-over-batik/332922>
- Jemadu, Aleksius. 2009. Until we address them Indonesia's problems with Malaysia aren't going anywhere. <http://thejakartaglobe.com/opinion/until-we-address-them-indonesia-s-problems-with-malaysia-arent-going-anywhere/330282>
- Jeshurun, C. 2008. *Malaysia fifty years of diplomacy 1957-2007*. Singapore: Talisman.
- Liow, J. C. 2008. *The politics of Indonesia-Malaysia relations: One kin, two nations*. Abingdon, Oxon: Routledge.
- Liow, J. C. 2010b. Malaysia-Indonesia ties: Strong leadership always needed, October 02. <http://www.themalaysianinsider.com/breakingviews/article/malaysia-indonesia-ties-strong-leadership-always-needed-joseph-chinyong-liow>
- Mackie, J. A. C. 1974. *Konfrontasi: the Indonesia-Malaysia dispute 1963-1966*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Malaysiakini*. 8 September 2009.
- Malaysiakini*. 11 September 2009.
- Malaysiakini*. 24 September 2009.
- Malaysiakini*. 17 Ogos 2010.
- Malaysiakini*. 26 Ogos 2010.
- Malaysiakini*. 28 Ogos 2010.
- Malaysiakini*. 3 September 2010.
- Malaysiakini*. 4 September 2010.
- Malaysiakini*. 6 September 2010.
- Malaysiakini*. 9 September 2010.
- Mstar.com.my*. 5 Disember 2010.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Muhammad Hj Salleh & Abd Ghapa Harun. 2011. *Biografi Tun Abdul Razak: Negarawan dan patriot*. Bangi: Penerbit UKM.
- Rizal Sukma. 2008. Indonesia-Malaysia relations. *Jakarta Post*, September 13 [http://www.thefinancialexpress-bd.com/more.php?news\\_id=45347](http://www.thefinancialexpress-bd.com/more.php?news_id=45347)
- Rizal Sukma 2010. Insight: Sovereignty, diplomacy and national defense <http://www.thejakartapost.com/news/2010/09/07/insight-sovereignty-diplomacy-and-national-defense.html>
- Rizal Sukma, Indonesia-Malaysia relations. *Jakarta Post* [http://www.thefinancialexpress-bd.com/more.php?news\\_id=45347](http://www.thefinancialexpress-bd.com/more.php?news_id=45347)
- Saravanamuttu, Johan. 2010. *Malaysia's foreign policy: The first fifty years, alignment, neutralism, Islamism*. Petaling Jaya: SIRD & Singapore: ISEAS.
- Syed Hamid Albar. 2010. Malaysia-Indonesia Bilateral relations. [http://syedhamidalbar.net/index.php?option=com\\_content&view=article&](http://syedhamidalbar.net/index.php?option=com_content&view=article&)

id=103:malaysia-indonesia-bilateral-relation&catid=34:latest&Item  
id=57

*Utusan Malaysia*. 26 Ogos 2002.

*Utusan Malaysia*. 27 Ogos 2002.

## **Nota Biografi**

Mohamad Rodzi Abd. Razak adalah pensyarah di Program Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Sejarah Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana Falsafah dari UKM. Mula berkhidmat sebagai Pensyarah di UKM pada tahun 2000. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang sejarah hubungan antarabangsa, politik dan sosial (emel: rodzi@ukm.my).

Abd. Ghapa Harun adalah Pensyarah Kanan di Program Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Sejarah Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dari UKM dan MA dari Iowa State University. Mula berkhidmat sebagai Pensyarah di UKM pada tahun 1981. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang ekonomi dan politik antarabangsa (emel: ghapa@ukm.my).

Zubaidah Hamzah adalah Pensyarah di Program Sejarah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Sejarah Asia Selatan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dari Fairleigh Dickinson University, New Jersey dan Ijazah Sarjana Sastera dari SOAS, University of London. Mula berkhidmat sebagai Pensyarah di UKM pada tahun 1989. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang sejarah politik dan hubungan antarabangsa (emel: zvph @ukm.my).

Azharudin Mohamed Dali adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Universiti Malaya dalam bidang Sejarah Asia Selatan. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dari UM dan Ijazah Sarjana dan PhD dari University of London. Mula berkhidmat sebagai pensyarah di Universiti Malaya pada tahun 1997. Minat penyelidikan beliau adalah dalam bidang sejarah sosial dan politik (emel: azharud@um.edu.my)